

20 DEC 1996

Mahathir-Sambutan

PERMAIDANI MERAH UNTUK DR MAHATHIR

Oleh: Zainoor Sulaiman

NEW DELHI, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di India kerana lawatan rasmi empat hari disambut dengan permaidani merah oleh kerajaan India.

Majlis sambutan rasmi ketibaan beliau diadakan di perkarangan Rashtrapati Bhavan, iaitu kompleks pentadbiran dan perundangan di sini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri India Deve Gowda yang mengetuai delegasi India dalam menyambut kedatangan Dr Mahathir dan rombongan.

Selepas memeriksa barisan kehormat, Dr Mahathir diperkenalkan kepada orang-orang kenamaan di India.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali kemudian bertolak ke kediaman Naib Presiden India K.R.Narayanan untuk mengadakan kunjungan kehormat.

Dr Mahathir kemudian bertolak ke Rajghat untuk melawat tugu peringatan Mahatma Ghandi, iaitu bapa kemerdekaan India di mana beliau meletakkan kalungan bunga.

Dr Siti Hasmah meneruskan dengan program berasingan di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dengan mengadakan pertemuan bersama anggota-anggota Perwakilan New Delhi, iaitu persatuan wanita-wanita di suruhanjaya tinggi itu.

Perdana Menteri dan isteri kemudian melakukan kunjungan kehormat terhadap Presiden India Dr Shankar Dayal Sharma dan isteri Vimala Sharma diikuti dengan majlis makan tengah hari di Rashtrapati Bahvan.

Dr Mahathir mengetuai delegasi yang terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet termasuk tiga Menteri Kabinet, seorang Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Antara wakil kerajaan dalam delegasi itu ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Tan Sri Abul Hassan Sulaiman dan Pengerusi Petronas Tan Azizan

Antara 20-ahli perniagaan dalam delegasi itu ialah Tan Sri Tajuddin Ramli dari Penerbangan Malaysia, Tan Sri Kishu Tirathrai (Globe Silk Store), Tan Sri Halim Saad (Kumpulan Renong), Tan Sri Vincent Tan (Berjaya Group), Tan Sri Dr Mohd Yusof Hashim (Majlis Penggalakkan Minyak Sawit), Datuk Amin Shah (Business Focus), Datuk Abdul Aziz Othman (Bank Bumiputra), Datuk Mohamaed Said Mohamaed Ali (Telekom Malaysia), T. Ananda Krishnan (Binariang) and Datuk Lee Kim Yew (Country Heights). -- BERNAMA

ZS PR